

Malaysia minat cara Itabashi atasi COVID-19

Pengurusan terbaik bandar raya perlu dicontohi kurangkan impak pandemik

Tokyo: Beberapa jam selepas tiba di Jepun, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam, memulakan program sempena lawatan rasmi sulungnya dengan bertemu Datuk Bandar Itabashi, Takeshi Sakamoto, dan menyatakan minat Malaysia mempelajari pengalaman bandar raya itu dalam usaha mengurangkan impak pandemik COVID-19.

Melalui pengamatan ketika dalam perjalanan ke bandar raya Itabashi yang menyaksikan keindahan dan kepesatan pembangunannya, Ismail Sabri percaya banyak perkara boleh dipelajari Malaysia daripada pihak pengurusan bandar raya Itabashi, terutama ketika dunia termasuk Malaysia berdepan cabaran luar

biasa akibat pandemik COVID-19.

Katanya, pelbagai sektor sosial dan ekonomi perlu dibangunkan semula supaya kembali dapat beroperasi secara optimum dan percaya Jepun, khususnya pengurusan bandar raya Itabashi mempunyai kaedah pengurusan terbaik untuk mengurangkan impak akibat pandemik.

"Saya berminat bertukar pandangan dan mempelajari pengalaman yang ada," katanya pada majlis meraikan lawatan sulung beliau ke Jepun sejak menjadi Perdana Menteri, di Dewan Bandar raya Itabashi, semalam.

Ismail Sabri tiba di Tokyo tengah malam kelmarin untuk memulakan lawatan kerja rasminya selama enam hari ke Jepun.

Itabashi adalah satu daripada 23 pusat bandar dalam metropolis Tokyo.

Pada majlis itu, Ismail Sabri mengakui Malaysia mengagumi Jepun kerana pencapaiannya yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi serta kejayaan Negara Matahari Terbit itu dalam pengurusan kebajikan rakyat dan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Jepun juga saling berkongsi nilai murni dan terpuji



Ismail Sabri menerima Ijazah Kehormat Doktor Perubatan daripada Dr Kato di Universiti Nihon Tokyo, semalam.

(Foto BERNAMA)

dalam menjunjung warisan budaya masing-masing.

"Rakyat Jepun terkenal dengan budaya lemah lembut, kesantunan dan sifat murah hati mereka. Ini sebenarnya sifat terpuji dan harus dicontohi. Budaya ini juga dikongsi masyarakat kami di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri semalam, menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Perubatan dari Universiti Nihon yang juga antara universiti swasta terkemuka dan tertua di Jepun.

Anugerah diterima daripada Presiden Universiti Nihon, Dr Naoto Kato di universiti berkenaan di bandar raya Itabashi itu sebagai mengiktiraf usaha dan sumbangannya memerangi pandemik COVID-19.

Menyatakan penghargaannya menerima anugerah itu, Ismail Sabri berkata, ia bukan hanya untuknya, tetapi seluruh Keluarga Malaysia yang bersatu hati bersama-sama kerajaan menghadapi COVID-19.

"Anugerah ini satu pengiktirafan besar bukan hanya untuk saya, tetapi buat seluruh Keluarga Malaysia yang membuktikan

keupayaannya menangani pandemik COVID-19 dengan cara sendiri," katanya dalam ucapan penerimaan anugerah itu.

Mengimbau ketika COVID-19 melanda Malaysia, Ismail Sabri berkata, beliau diamanahkan sebagai Menteri Kanan Pertahanan Kluster Keselamatan pada Mac 2020 yang bertanggungjawab menerajui serta menguruskan mesyuarat khas menteri dalam memerangi ancaman pandemik.

Bermula detik itu, katanya, seluruh kekuatan dan aset digembeleng bersama iaitu agensi kerajaan, termasuk pasukan kesihatan dan keselamatan selaku barisan hadapan dalam usaha menangani wabak berkenaan.

"Peperangan menentang COVID-19 ini sesuatu yang besar dan mencabar," katanya.

Berkongsi pengalaman Malaysia memerangi pandemik COVID-19, Ismail Sabri berkata, segala faktor yang boleh menjadi punca penularan wabak itu dikenal pasti dan ditangani sebaiknya.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa bertindak tegas pada pe-

ringkat awal dengan mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan rakyat tidak dibenarkan keluar rumah kecuali untuk urusan penting saja.

"Kita berperang dengan musuh tidak kelihatan dan setiap peperangan mesti dimenangi dengan nyawa rakyat Keluarga Malaysia mesti diselamatkan," katanya.

Ismail Sabri berkata, Malaysia sudah hampir berjaya dan mulai 1 April lalu membuka pintu sempadan dan mulai 1 Mei pula, prosedur operasi standard (SOP) dilonggarkan seperti pemakaian pelitup muka hanya diwajibkan di kawasan tertutup, selain tiada penjarakan fizikal dan semua sektor ekonomi dibuka sepenuhnya.

Beliau berkata, Malaysia juga diiktiraf antara negara terbaik menangani COVID-19 oleh beberapa agensi seperti Bloomberg dan Nikkei.

Kato dalam kata penghargannya mengakui Ismail Sabri berperanan penting menangani COVID-19 dan memberi keutamaan kepada kehidupan dan kesihatan rakyat. BERNAMA